

Penjawat awam diminta terus amal penjimatan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menasihatkan penjawat awam supaya terus mengamalkan langkah penjimatan bagi memastikan dana awam tidak dibazirkan begitu sahaja.

Beliau berkata, penjawat tidak perlu melihat soal pembaziran dalam konteks yang besar sahaja, sebaliknya isu kecil seperti menutup lampu pejabat dan pemberian pen mengikut jawatan juga perlu dilakukan.

“Membazir tidak perlu yang besar, macam menggunakan elektrik seperti ‘ayah kita yang bayar’ Contohnya, beri lima batang pen kepada ketua jawatan tetapi Ketua Setiausaha, (diberi) 10; menteri, 15; Perdana Menteri, 20.

“Itu semua kita kena baiki sebab ia adalah dana awam,” katanya pada perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Oktober, di sini semalam.

Susulan itu, Anwar meminta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), memainkan peranan dalam memastikan budaya pembaziran tidak diamalkan dalam kalangan kakitangan awam.

“JAKIM kena bantu beri peringatan dari sekecil-kecil dan sebesar-besar pembaziran.

“Masa saya berkhidmat di Jalan Duta suatu masa dahulu, bila lihat ada lampu terbuka, saya minta ketua jabatan tutup kerana ia dana awam. Saya harap kita mulakan satu budaya, kerana melalui penjimatan, kita dapat buat banyak perkara lain,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan,

pemberian subsidi seperti yang diumumkan pada Belanjawan 2024, Jumaat lalu diperbaharui untuk memastikan langkah penjimatan negara berhasil dan mampu dimanfaatkan sepenuhnya kepada rakyat.

Katanya, rencana baharu subsidi itu juga harus dilaksanakan memandangkan ia turut dinikmati oleh kira-kira 10 peratus golongan yang tidak layak (kumpulan kaya dan berpendapatan tinggi), 3.5 juta warga asing dan ketirisan ke negara jiran.

“Sejumlah RM81 bilion subsidi diberikan kerajaan, tertinggi di dunia. Disebabkan itulah perancangan perlu dilakukan untuk mengelakkan ketirisan berlaku.

“Warga asing mendapat manfaat. Okaylah mereka bekerja, tetapi kita beri subsidi lagi. Begitu juga ketirisan diesel. Kita faham jumlah kereta tidak meningkat puluhan peratus, tetapi penggunaan diesel meningkat puluhan peratus. Perlunya dasar untuk membaiki (pengagihan) minyak diesel,” katanya.

Mengulas kritikan terhadap Belanjawan 2024, Anwar berkata, beliau terbuka dengan ulasan yang pelbagai, termasuk di media sosial.

“Kadang-kadang saya bukanlah tidak boleh mendengar kritikan tetapi biarlah ia munasabah. Seperti kritikan dalam cukai (terhadap golongan tertentu), sebenarnya kita bukan tak bagi subsidi tetapi mereka bayar pada kadar biasa. Kita hanya beri subsidi kepada 90 peratus rakyat sahaja dan ia menjimatkan RM4 bilion kepada kerajaan,” katanya.